

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	01 APRIL 2017

# PM berdiplomasi secara bijak

Oleh AZRUL HAKIMIE ANUER  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 31 MAC

**P**ENDEKATAN secara diplomasi yang digunakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam usaha membebaskan sembilan rakyat Malaysia yang dihalang keluar dari Korea Utara mendapat pujian daripada Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, rundingan dengan sebuah negara yang mengamalkan sistem pentadbiran komunis bukan suatu perkara mudah dan hanya mampu dilaksanakan oleh seorang pemimpin yang bijak dan berpengalaman.

“Apa yang telah berlaku adalah satu kejayaan penting. Najib tahu apa yang beliau lakukan.

“Saya anggap usaha beliau selama ini telah membawa kepada kebaikan,” katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Karnival Ulang Tahun Ke-25 Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Yang turut hadir Ketua Pengarah IKIM, Profesor Datuk Dr. Azizan Baharuddin dan timbalannya, Dr. Mohd. Zaidi Ismail.

Dalam majlis tersebut, Abdullah yang juga Pengerusi IKIM melancarkan lima buah buku iaitu *IKIM 25 Tahun Memupuk Kefahaman; Kenapa Islam: Menyanggah Pegangan Kaum Pluralis; Challenging Issues for Science & Technology in Malaysia: An Overview; Lasik Untuk Jiwa dan Segelas Air Segenggam Kopi.*

Seramai sembilan rakyat Ma-



ABDULLAH AHMAD BADAWI (tengah), isterinya, Tun Jeanne Abdullah (dua dari kiri) dan Azizan Baharuddin (dua dari kanan) menunjukkan buku-buku yang dilancarkan dalam majlis perasmian Karnival Ulang Tahun Ke-25 IKIM di Kuala Lumpur, semalam.

aysia yang dihalang keluar dari Korea Utara ekoran krisis diplomatik antara kedua-dua negara selamat tiba di tanah air hari ini.

Mereka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada pukul 5 pagi.

Mengulas mengenai sambutan ulang tahun ke-25 IKIM, Abdullah berharap organisasi tersebut akan mengemukakan lebih banyak

program berbentuk ilmiah kepada masyarakat bagi menjadikan mereka insan yang berguna kepada negara dan agama.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada pihak yang telah turut sama membantu melaksanakan program-program anjuran IKIM kerana tanpa bantuan mereka, tidak mungkin semua perancangan dapat dilaksanakan.



Saya anggap usaha beliau selama ini telah membawa kepada kebaikan.”

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**  
Bekas Perdana Menteri

Um - 1/4/2017